

22 OCT 2002

Ling-Kaedah/I

PARTI-PARTI CINA AKAN CAPAI KEPUTUSAN DALAM SEMINGGU, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Parti-parti masyarakat Cina dalam Barisan Nasional (BN) mampu muncul dengan kaedah tersendiri untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dalam tempoh seminggu, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Tempoh selama seminggu itu diminta oleh parti-parti terbabit semasa mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Beliau berkata perbincangan antara mereka sudah pasti selesai dalam tempoh seminggu itu.

"Kita mempunyai satu minggu untuk membincangkan hal itu...sama ada menjalankan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris ataupun melalui kaedah lain," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Dr Ling mengingatkan media supaya tidak membuat spekulasi sama ada parti-parti komponen Cina mampu mencapai keputusan dalam tempoh itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat hari ini, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata parti-parti komponen BN telah bersetuju bahawa kedua-dua mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris termasuk di sekolah-sekolah Cina.

Bagaimanapun, kaedahnya berbeza di sekolah-sekolah Cina dengan parti-parti masyarakat Cina diberi tempoh seminggu untuk muncul dengan kaedah yang mereka akan gunakan.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata partinya bersetuju untuk melaksanakan cadangan kerajaan itu memandangkan ia memberi peluang kepada sekolah-sekolah Tamil meningkatkan mutu pendidikan terutama dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa Inggeris, katanya, tidak dilihat sebagai meminggirkan penggunaan bahasa ibunda kerana 65 peratus pengajaran mata pelajaran yang lain tetap diajar dalam bahasa Tamil.

Bagaimanapun, beliau berkata MIC telah menyuarakan beberapa syarat dan mahu kerajaan mengambil perhatian terhadap syarat-syarat itu.

Antaranya ialah memberi bantuan penuh kepada sekolah yang diberi bantuan modal, membaiki bangunan sekolah, meningkatkan sukatan teknologi maklumat (IT), kemudahan komputer dan sebagainya.

-- BERNAMA

NN LIB MAM PR